



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## UNSUR METAFORA DALAM PUISI INVOKASI *BIAU MASYARAKAT IBAN*



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## UNSUR METAFORA DALAM PUISI INVOKASI *BIAU MASYARAKAT IBAN*

JESSICA ANAK DATO



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2021**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (✓)****Kertas Projek****Sarjana Penyelidikan****Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus****Doktor Falsafah**


**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada .....(hari bulan) ..... (bulan) 20.....

**i. Perakuan pelajar :**

Saya, \_\_\_\_\_ (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



---

**Tandatangan pelajar****ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, \_\_\_\_\_ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk \_\_\_\_\_

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah \_\_\_\_\_ (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

---

**Tarikh**

---

**Tandatangan Penyelia**

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM****Tajuk / Title:**

---

---

**No. Matrik / Matic's No.:**

---

**Saya / I :**

---

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: \_\_\_\_\_

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*





## PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Tuhan kerana izinnya tesis ini berjaya disiapkan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Rosline Sandai kerana telah memberi tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Ucapan penghargaan juga kepada pihak Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris atas panduan dan bimbingan dalam menyiapkan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga kepada *Lemambang* Encik Baring Anak Nuing yang telah membantu saya membuat sinopsis dan mentafsir istilah di dalam teks puisi invokasi *biau*. Saya turut merakamkan ribuan terima kasih kepada *The Tun Jugah Foundation* di Kuching, Sarawak kerana telah menyediakan bahan rujukan untuk saya mendapatkan maklumat yang lebih mendalam. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Robert Menua Saleh dan Encik Janang Ensiring atas kesudian untuk menggunakan sumber data dalam buku *Sampi enggau Biau*.



Tidak lupa juga kepada kedua-dua ibu bapa saya Encik Dato Anak Nyaring dan Puan Dijah Anak Baring, ahli keluarga dan rakan-rakan, Vivien Anak Anthony, Marjory Cindy Anak Langit, Dorothy Agnes Anak Raymond, Walkalin Febry Anak Lin Lajang dan Helen Janti Anak Jenang yang banyak mendorong saya selama ini. Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam menyiapkan tesis ini. Terima kasih.





## ABSTRAK

*Biau* (doa) merupakan puisi tradisional invokasi masyarakat Iban yang dilafazkan semasa upacara persembahan sajian atau *miring* untuk menyeru dan memohon keberkatan *Petara* (dewa-dewi). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti struktur lapisan bahasa, mengkaji jenis ayat dan menganalisis unsur yang membentuk metafora dalam struktur puisi tradisional invokasi *biau*. Berasaskan pendekatan kualitatif, secara deskriptif dan kaedah tinjauan digunakan untuk mengkaji tiga buah *biau* iaitu *Biau Piring Bedara* [Doa Persembahan Sajian Korban], *Biau Piring Gawai Tuah* [Doa Persembahan Sajian Perayaan Gawai Tuah] dan *Biau Piring* [Doa Persembahan Sajian] yang diambil daripada buku *Sampi Enggau Biau* (Robert Menua Saleh dan Janang Ensiring, 2001). Data dianalisis menggunakan kaedah pengkodan. Struktur lapisan bahasa dianalisis menggunakan teknik pengkodan terbuka. Jenis ayat dan unsur membentuk metafora dalam puisi invokasi *biau* pula menggunakan teknik pengkodan substansif. Dapatkan kajian menunjukkan pelbagai struktur lapisan bahasa dalam pengenalan, isi dan penutup. Jenis ayat yang membina struktur puisi *biau* ialah ayat seru, ayat penyata dan ayat perintah. Unsur yang membentuk metafora dalam struktur *biau* pula terdiri daripada flora dan fauna, benda bukan hidup dan alam semula jadi yang disesuaikan dengan kehidupan masyarakat Iban. Pada kesimpulannya, struktur lapisan bahasa yang pelbagai menunjukkan kesopanan untuk menyeru serta memohon restu daripada *Petara*, penggunaan ayat penyata paling kerap dan unsur alam semulajadi paling banyak digunakan untuk membentuk unsur metafora dalam puisi invokasi *biau*. Implikasi kajian ini berupaya mengekalkan budaya, adat dan tradisi dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak serta menambahkan pengetahuan dan kepakaran kepada pengamal ritual dan generasi muda untuk melafazkan puisi tradisional.





## METAPHORICAL ELEMENTS IN TRADITIONAL POEM OF INVOCATION *BIAU* OF THE IBAN COMMUNITY

### ABSTRACT

*Biau* (prayer) is a traditional poem of invocation of the Iban people recited during an offering ceremony or *miring* to call and request for the blessings from *Petara* (Gods). This study aimed to identify the structure of language, types of sentences and analyze the elements that form metaphors in *biau*. The qualitative with descriptive approach and survey method was used to study the three *biau* namely *Biau Piring Bedara* [Sacrifice Offer Prayer], *Biau Piring Gawai Tuah* [Gawai Tuah Festival Presentation Prayer Prayer and *Biau Piring* [Prayer Presentation Prayer] which were taken from the book *Sampi Enggau Biau* (Robert Menua Saleh and Janang Ensiring, 2001). Data were analyzed using coding methods. Language structure was analyzed by using open coding technique. The types of sentence and elements that form the metaphor in *biau* used substantive coding technique. The findings of the study showed that there are various types of language structures used in the introduction, content and closing. The types of sentences that form the structure of *biau* are exclamation sentences, statement sentences and command sentences. The elements that form the metaphor in *biau* consist of flora and fauna, non-living things and nature that are adapted to the life of the Iban community. In conclusion, the structure of the language used in *Biau* shows politeness to call and request for blessings from *Petara*, the use of statement sentences are most frequent and the element of nature is the most used to form metaphorical elements in *biau*. The implications of the study are able to preserve the culture, customs and traditions in the Iban community in Sarawak as well as to enhance knowledge and expertise to ritual practitioners and the younger generation in reciting traditional poems.





## ISI KANDUNGAN

### Muka Surat

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii



<b>BAB 1</b>	<b>PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.2.1	Asal Usul Persembahan Sajian <i>Piring</i> dalam Kaum Iban	4
1.2.2	Kosmo dalam Persembahan Sajian <i>Piring</i>	6
1.3	Pernyataan Masalah	10
1.4	Objektif Kajian	11
1.5	Soalan Kajian	12





1.6 Batasan Kajian	12
1.7 Kepentingan Kajian	13
1.8 Definisi Operasional	14
1.8.1 Struktur	14
1.8.2 Bahasa Kiasan	15
1.8.3 Ayat	15
1.8.4 Metafora	16
1.8.5 Puisi Invokasi Biau	17
1.8.5.1 Biau Piring Bedara	18
1.8.5.2 Biau Piring Gawai Tuah	18
1.8.5.3 Biau Piring	18
1.8.6 Persembahan Sajian ( <i>Piring</i> )	19
1.8.7 Teori Linguistik Kognitif	19
1.8.8 Teori Konseptual Metafora	20
1.9 Rumusan	21
<b>BAB 2 SOROTAN LITERATUR</b>	22
2.1 Pendahuluan	22
2.2 Struktur Lapisan Bahasa Kiasan	22





2.2.1 Penggunaan Bahasa Kiasan dalam Bidang Sastera  
oleh Masyarakat Tempatan 24

2.2.1.1 Bahasa Kiasan dalam Puisi Tradisional  
Masyarakat Iban 26

2.2.1.2 Bahasa kiasan dalam  
Sastera Tradisional Masyarakat Melayu 29

2.2.1.3 Bahasa Kiasan dalam Sastera  
Tradisional Masyarakat Kadazandusun 39

2.2.2 Penggunaan Bahasa Kiasan dalam Sastera di Luar  
Negara 40

2.2.2.1 Bahasa kiasan dalam Mantera  
Indonesia 40



2.3 Amalan dan Kepercayaan Ritual 55

2.3.1 Amalan Persembahan Sajian dalam Masyarakat di  
Sarawak 56

2.3.2 Amalan dan Kepercayaan Ritual dalam  
Masyarakat di Sabah. 590

2.3.3 Amalan dan Kepercayaan Ritual dalam  
Masyarakat di Semenanjung Malaysia 60

2.3.4 Amalan dan Kepercayaan Ritual dalam  
Masyarakat di Luar Negara 62

2.4 Rumusan 66

**BAB 3 METODOLOGI** 67





3.1	Pendahuluan	67
3.2	Reka Bentuk Kajian	67
3.2.1	Kaedah Deskriptif	70
3.2.2	Kaedah Tinjauan	70
3.3	Sumber Data	70
3.4	Justifikasi Kajian	70
3.5	Kerangka Konseptual Kajian	70
3.6	Instrumen Kajian	74
3.6.1	Analisis Dokumen	74
3.6.2	Temu bual	75
3.7	Kesahan Kebolehpercayaan	75
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	76
3.9	Penganalisisan Data	77
3.10	Rumusan	81
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	80
4.1	Pendahuluan	80
4.2	Struktur Lapisan Bahasa dalam Puisi Invokasi <i>Biau</i> .	81
4.2.1	Struktur Pengenalan	82
4.2.1.1	Seruan Pembukaan	82





4.2.1.2	Bertabik	83
4.2.1.3	Struktur Pengenalan diri	84
4.2.2	Struktur Lapisan Bahasa dalam Bahagian Isi <i>Biau</i>	88
4.2.2.1	Tujuan	89
4.2.2.2	Seruan	880
4.2.2.3	Pernyataan ( <i>piring</i> )	Persembahan sajian 891
4.2.2.4	Suruhan	91
4.2.3	Penutup	92
4.2.3.1	Doa Restu	93
4.2.4	Rumusan	94
4.3	Jenis Ayat yang Membina Struktur dalam Puisi Invokasi <i>Biau</i>	95
4.3.1	Ayat Seru	96
4.3.2	Ayat Penyata	97
4.3.3	Ayat Perintah	100
4.3.4	Rumusan	100
4.4	Unsur Membentuk Metafora dalam Struktur Puisi Invokasi <i>biau</i>	101
4.4.1	Unsur Flora dan Fauna	102
4.4.2	Unsur Benda Bukan Hidup	101





4.4.3 Unsur Alam Semula Jadi	102
------------------------------	-----

4.4.4 Penggunaan Unsur-unsur	103
------------------------------	-----

4.4.4.1 Warisan Tradisi	103
-------------------------	-----

4.4.4.2 Kehadiran Entiti atau Roh	105
-----------------------------------	-----

4.4.4.3 Persembahan Sajian ( <i>Piring</i> )	106
--	-----

4.4.4.4 Jenis ayam	1091
--------------------	------

4.4.4.5 Kekuatan ayam	1102
-----------------------	------

4.4.4.6 Perwatakan Tetamu yang Hadir ke Persembahan Sajian ( <i>Piring</i> )	112
---	-----

4.4.4.7 Keindahan alam	114
------------------------	-----



4.5 Rumusan Dapatan	117
---------------------	-----

## BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN 1190

5.1 Pengenalan	1191
----------------	------

5.2 Perbincangan Kajian	1191
-------------------------	------

5.2.1 Struktur Bahasa Lapisan Bahasa dalam Puisi Invokasi <i>Biau</i> .	1202
--	------

5.2.2 Jenis Ayat yang Membina Struktur Puisi Invokasi <i>Biau</i>	125
--	-----

5.2.3 Unsur Membentuk Metafora dalam Struktur Puisi Invokasi <i>Biau</i>	1302
---	------





5.3 Rumusan Kajian	1357
--------------------	------

5.3.1 Struktur Lapisan Bahasa dalam Puisi Invokasi Biau	135
---	-----

5.3.2 Jenis Ayat yang Membina Struktur Puisi Invokasi Biau	136
--	-----

5.3.3 Unsur membentuk Metafora dalam Struktur Puisi Invokasi Biau	136
---	-----

5.4 Kesimpulan Dapatan Kajian	1370
-------------------------------	------

5.5 Sumbangan Kajian	1381
----------------------	------

5.6 Implikasi Kajian	1392
----------------------	------

5.7 Cadangan Kajian Seterusnya	1414
--------------------------------	------



<b>RUJUKAN</b>	145
----------------	-----

<b>LAMPIRAN</b>	160
-----------------	-----





## SENARAI JADUAL

<b>No. Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
4.1 Struktur Lapisan Bahasa dalam Puisi Invokasi Biau	81
4.2 Unsur Metafora Seruan Pembukaan dalam Puisi Invokasi Biau	83
4.3 Struktur Lapisan Bahasa Bertabik dalam Puisi Invokasi Biau	83
4.4 Struktur Lapisan Bahasa Pengenalan Diri	85
4.5 Struktur Lapisan Bahasa Tujuan	90
4.6 Struktur Lapisan Bahasa Seruan	91
4.7 Struktur Lapisan Pernyataan Persembahan Sajian (Piring)	903
4.8 Struktur Lapisan Bahasa Suruhan	92
4.9 Struktur Lapisan Bahasa Doa Restu	93
4.10 Jenis Ayat yang Membina Struktur dalam Puisi Invokasi Biau	96
4.11 Jenis Ayat Seru dalam Struktur Puisi Invokasi Biau	97
4.12 Jenis Ayat Penyata dalam Struktur Puisi Invokasi Biau	97
4.13 Jenis Ayat Perintah dalam Struktur Puisi Invokasi Biau	100
4.14 Unsur Flora dan Fauna Persembahan Sajian Piring dalam Puisi Invokasi Biau	101





4.15	Unsur Benda Bukan Hidup dalam Puisi Invokasi Biau	101
4.16	Unsur Alam Semula Jadi dalam Puisi Invokasi Biau	102
4.17	Penggunaan Unsur-unsur Warisan Tradisi	104
4.18	Penggunaan Unsur-unsur Kehadiran Entiti atau Roh	106
4.19	Penggunaan Unsur-unsur Persembahan Sajian (piring)	1080
4.20	Penggunaan Unsur-unsur Jenis Ayam	1102
4.21	Penggunaan Unsur-unsur Kekuatan Ayam	111
4.22	Penggunaan Unsur-unsur Perwatakan Tetamu yang Hadir ke Persembahan Sajian (piring)	113
4.23	Penggunaan Unsur-unsur Keindahan Alam	116





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xv

## SENARAI RAJAH

### No. Rajah

### Muka Surat

- |     |  |    |
|-----|--|----|
| 3.1 | Pembentukan Unsur Metafora dalam Puisi Invokasi <i>Biau.</i> | 73 |
|-----|--|----|



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI LAMPIRAN

- A *Biau Piring Bedara* [Doa Persembahan Sajian Korban] oleh Robert Menua Saleh dan Janang Ensiring
- B *Biau Piring Gawai Tuah* [Doa Persembahan Sajian Perayaan Gawai Tuah] oleh Robert Menua Saleh dan Janang Ensiring
- C *Biau Piring* [Doa Persembahan Sajian] oleh Robert Menua Saleh dan Janang Ensiring
- D Borang Senarai Semak
- E Contoh Pengkodan Terbuka
- F Contoh Pengkodan Substansif
- G Borang Temu Bual Semi Berstruktur





## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Masyarakat Iban di Sarawak mempunyai kepercayaan tradisi kepada *Petara* (Dewa-dewi) melalui tradisi lisan (Micheal Buma, 1987 ; Kedit, 1989). Tradisi lisan masyarakat Iban merangkumi pelbagai aspek budaya dan bahasa yang diperturunkan dari generasi ke generasi secara lisan. Puisi tradisional atau *leka main* merupakan salah satu daripada tradisi lisan masyarakat Iban yang sebahagiannya masih lagi diamalkan oleh masyarakat Iban (James Jemut Masing, 1981; Robert Menua Salleh dan Janang Ensiring, 2001). Bahasa kiasan digunakan untuk menyampaikan mesej dalam puisi tradisional masyarakat Iban supaya penyampaiannya lebih menarik dan menunjukkan kesopanan semasa menyampaikan mesej kepada *Petara* (Saripah Banseng dan Sandai, 2017).

Puisi tradisional masyarakat Iban terdapat tiga kategori iaitu *Pemerindang* (Hiburan), *Adat Basa* (Adat), dan *Invokasyen* (Invokasi) (Robert Menua Salleh dan Janang Ensiring, 2001). Beberapa contoh puisi tradisional dalam kategori *Pemerindang* (hiburan) ialah *Entelah* (teka-teki), *Ensera* (puisi epik), *Renong* (puisi perang) dan *Pelandai Ara* (puisi cinta) (Jimmy Donald, 1989). Dalam puisi tradisional kategori *Adat Basa* (adat) pula termasuk





aturan sosial dalam masyarakat Iban seperti upacara perkahwinan iaitu puisi Adat Basa *Nanya Indu* (merisik) dan *Ai Ansah* (mengundang para tetamu untuk berbicara). Puisi tradisional seperti *Sampi* (Doa), *Biau* (Doa), *Pengap* (Invokasi kepada dewa) dan *Timang* (puisi pujian) pula merupakan kategori *invokasyen* (invokasi). Puisi tradisional invokasi hanya dilafazkan oleh orang yang mahir iaitu *Lemambang* (pengamal ritual) dan ketua masyarakat yang mengendalikan upacara persembahan sajian *miring* (Richard Anthony, 1966).

Puisi tradisional merangkumi amalan ritual, upacara dan adat dalam kalangan masyarakat Iban (Jensen Erik, 1974). Sebahagian daripada amalan tersebut dikekalkan sehingga kini tetapi tidak diamalkan secara menyeluruh kerana kekurangan orang yang mahir dalam bidang tersebut. Selain itu, upacara ritual sudah tidak relevan lagi dalam kehidupan moden masyarakat Iban yang telah menganuti agama seperti Kristian. Tambahan pula, ramai di kalangan generasi muda telah berhijrah ke kawasan bandar untuk mencari pekerjaan. Kekurangan kepakaran atau pengamalan puisi tradisional di rumah panjang juga menyebabkan masyarakat Iban kini tidak didedahkan tentang pengamalan tersebut.

Kajian ini dilakukan dengan menganalisis unsur metafora bahasa dalam puisi tradisional invokasi Iban iaitu *Biau*. Jenis ayat yang digunakan dalam struktur *biau* turut dikaji. Tambahan pula, unsur yang membentuk bahasa kiasan metafora dalam puisi invokasi *biau* juga dianalisis. Kajian ini dijalankan untuk membantu generasi kini mempunyai pengetahuan dan pemahaman tentang puisi tradisional kaum Iban yang semakin terpinggir. Sandai, Anna Christina Abdullah dan Palmer (2013) juga menyatakan bahawa pengajaran formal di sekolah juga tidak menerapkan secara menyeluruh tentang pengamalan dan





pemahaman puisi tradisional kepada generasi muda. Justeru kajian ini berupaya membantu para guru memahami lapisan bahasa dalam puisi invokasi *biau*.

Puisi tradisional yang difokuskan dalam kajian ini ialah *Biau Piring Bedara* [Doa Persembahan Sajian Korban], *Biau Piring Gawai Tuah* [Doa Persembahan Sajian Perayaan Gawai Tuah] dan *Biau Piring* [Doa Persembahan Sajian]. *Biau* (doa) merupakan salah satu puisi tradisional invokasi yang umumnya berkaitan dengan upacara persembahan ritual untuk menyeru *Petara* (Dewa-dewi). *Biau Piring Bedara* ialah upacara ritual bagi orang Iban untuk mengutuskan permintaan kepada *Bunsu Petara* (Dewa-dewi) dengan *biau* (doa) (James Jemut Masing, 1981). *Biau Piring Gawai Tuah* pula digunakan untuk meminta kekayaan, kesihatan dan kedamaian daripada *Petara*. Upacara ritual ini dilakukan dalam beberapa peringkat seperti *Panggau Tuah* [Galeri Tuah], *Namaka Tuah* [Memohon Tuah] dan *Nimang Tuah* [Melafazkan Puisi Pujian Tuah] (Robert Menua Saleh & Walter Ted Wong, 2008). Manakala, *Biau Piring* ialah upacara ritual yang dilakukan untuk *Petara* (Dewa-dewi) seperti *Senggalang Burung* [Dewa Perang], *Raja Sempulang Gana* [Dewa Tanah] dan *Selampandai* [Dewa Pencipta] (James Jemut Masing, 1981).

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Masyarakat Iban merupakan kaum majoriti di negeri Sarawak yang sebilangan besarnya menetap di persisiran pantai. Masyarakat Iban juga merupakan satu kumpulan etnik yang mempunyai budaya dan adat tradisi diturunkan daripada nenek moyang secara lisan (Micheal Buma, 1987). Tradisi lisan masyarakat Iban amat menitikberatkan kepercayaan kepada



*Petara* (Dewa-dewi) kerana *Petara* dapat memberi kesejahteraan hidup kepada mereka (Sandin, 1980 dan James Jemut Masing, 1989). Kepercayaan ini diamalkan melalui persembahan sajian atau *piring* untuk menghubungkan masyarakat Iban dengan *Petara*. Persembahan sajian atau *piring* diiringi dengan lafaz puisi tradisional invokasi iaitu *biau* (doa).

*Biau* (doa) merupakan puisi tradisional kategori invokasi yang umumnya berkaitan dengan upacara persembahan ritual untuk menyeru *Petara* dalam Gawai seperti Gawai Piring [Gawai Ritual], Gawai Piring Bedara [Gawai Ritual Korban] dan Gawai Tuah [Gawai Tuah]. *Biau* digunakan dalam upacara kesyukuran untuk meminta keberkatan (Robert Menua Salleh dan Janang Ensiring, 2001). Selain itu, *biau* digunakan untuk mengalu-alukan kedatangan tetamu yang datang ke rumah panjang. Penyampaian *biau* dalam upacara persembahan ritual tersebut dilakukan untuk menggelakkan malapetaka berlaku kepada rumah panjang melalui mimpi atau burung *Khinatan*. Burung *Khinatan* memberi petanda melalui panggilan, arah penerbangan dan kedudukan burung (James Jemut Masing, 1981).

### 1.2.1 Asal Usul Persembahan Sajian *Piring* dalam Kaum Iban

Persembahan sajian (*piring*) merupakan satu upacara ritual masyarakat Iban untuk mendapat keberkatan daripada *Petara* (Dewa-dewi) serta mengelakkan dari sebarang bencana alam (James Jemut Masing, 1981). Persembahan sajian (*piring*) bermula dengan kisah *Raja Samarugah* yang memilih menantu untuk anak perempuannya yang bernama *Endu Endun Serentum Tanah Tumbuh*. Pemilihan calon menantu Raja Samarugah tersebut adalah antara



*Simpulang Gana* (Dewa Tanah) dan *Bujang Inin* yang merupakan anak kepada *Tegung Remaung Lubang*. *Raja Samarugah* menghidangkan sajian makanan kepada *Simpulang Gana* dan *Bujang Inin*. *Bujang Inin* telah makan sajian hidangan tersebut seorang sahaja. Manakala, *Simpulang Gana* pula telah berkongsi sajian makanan tersebut dengan penduduk rumah panjang serta mengagihkannya di atas daun (Freeman, 1975). Oleh sebab kemurahan hati yang ditunjukkan oleh *Simpulang Gana*, beliau telah dipilih menjadi menantu kepada *Raja Samarugah*. Maka, sejak itu masyarakat Iban meneladani *Simpulang Gana* dengan menghidangkan makanan dalam agihan untuk dipersembahkan kepada *Petara*.

Jumlah makanan yang dihidangkan dalam upacara ritual sajian *piring* mengikut nombor ganjil seperti tiga, lima, tujuh dan sembilan. Namun, terdapat juga jumlah makanan yang disediakan melebihi sembilan sajian kerana hidangan disaji mengikut keperluan dan tujuan sesuatu upacara dilakukan. Upacara ritual *miring* diagihkan untuk diletakkan pada setiap sudut rumah panjang iaitu *bilek* (bilik), *tanju* (beranda), *ruai* (galeri), dapur dan *tajau* (pasu untuk menyimpan beras). Selain itu, jumlah sajian *piring* tiga pula dilakukan sebelum turun ke *umai* (sawah padi). Sajian *piring* lima pula biasanya diamalkan apabila adanya upacara mendirikan rumah panjang. Bagi sajian *piring* tujuh dan sembilan pula digunakan untuk sesuatu aktiviti yang lebih tinggi fungsinya seperti *bejalai* (mengembara ke tempat jauh untuk tujuan tertentu) dan *ngayau* (ekspedisi perang) (James Jemut Masing, 1981).

Seterusnya *Lemambahang* (ketua ritual) akan melafazkan puisi invokasi *biau* untuk memanggil *Petara* (Dewa- dewi) iaitu orang *Panggau Libau* dan sebagainya turut serta dalam upacara ritual itu. Semasa upacara ritual *miring* dilakukan, seekor ayam akan digunakan oleh *Lemambahang* kemudian disembelih selepas digunakan untuk memberkati



sajian persembahan *piring*. Manakala darah ayam yang disembelih itu akan disapukan di telapak tangan menggunakan bulu ayam sebagai simbolik penerimaan rezeki daripada *Petara* dengan tangan terbuka. Setelah selesai memberkati persembahan sajian *piring* diiringi lafaz puisi *biau*, bulu ayam yang sudah dibaluti darah tersebut akan diletakkan di atas *piring*. Tujuannya kerana masyarakat Iban percaya bahawa ayam merupakan pendinding roh dalam kehidupan mereka (Jensen Erik, 1974).

### 1.2.2 Kosmo dalam Persembahan Sajian *Piring*

Manusia mempunyai gambaran kosmos atau alamnya sendiri mengikut kepercayaan yang diperturunkan dari zaman nenek moyang (Asmah Haji Omar, 2012). Begitu juga dengan masyarakat Iban yang percaya tentang kewujudan kosmos kepada *Petara* (Dewa-dewi) melalui persembahan sajian *piring*. Persembahan sajian *piring* dilakukan untuk menyampaikan pelbagai tujuan kepada *Petara*. Melalui upacara *miring*, gambaran tentang kosmos dapat dihubungkan dengan persembahan sajian yang diamalkan oleh masyarakat Iban (Jensen, 1974; Zeppel, 1994). *Petara* dalam budaya masyarakat Iban mempunyai hubungan dengan fenomena alam yang terdiri daripada burung, tanah, air, dan pokok. Setiap *Petara* mempunyai fungsi dan kuasa mengikut hubungannya dengan manusia (Freeman, 1970).

*Petara* yang utama dalam kaum Iban ialah *Sengalang Burung* [Dewa Perang], *Simpulang Gana* [Dewa Tanah] dan *Selampandai* [Dewa Pencipta] (Sandai, Christina dan Palmer, 2013). Sebelum masyarakat Iban pada masa kini yang menganuti agama Kristian



dan agama lain, terdapat gambaran yang dapat dilakarkan tentang kosmos Iban iaitu dunia di atas langit (*dunya di atas langit*), tepi langit (*tisau langit*), dunia di bawah langit (*dunya di baruh langit*), dunia di dalam bumi, dan menua sebayan (*alam roh*) (Asmah Haji Omar, 2012).

Setiap lapisan mempunyai hubungan antara satu sama lain dalam mempersembahkan sajian *piring*. Dunia di atas langit atau *dunya atas langit* memperlihatkan hubungan antara alam yang berada di langit. Persembahan sajian *piring* yang dipersembahkan oleh masyarakat Iban kepada *Petara* (Dewa-dewi) di atas langit ialah untuk *Senggalang Burung*. Persembahan sajian *piring* kepada *Petara Senggalang Burung* (Dewa Perang) biasa dilakukan semasa Gawai Burung (Benedict Sandin, 1967).

Selain Senggalang Burung, terdapat *Petara* (Dewa-dewi) lain yang berada di lapisan *Dunya atas langit* seperti *Ini Inda*, *Raja Menjaya*, *Raja Simpulang Gana*, *Raja Anda Mara* dan *Raja Biku Bunsu Petara* (Freeman, Derek, 1970). Lapisan ini menjadi keutamaan kepada kepercayaan masyarakat Iban mempersembahkan sajian *piring* untuk menjaga kehidupan mereka di muka bumi (Sutlive, 1978). *Petara Ini Inda* merupakan Dewi Keadilan kerana dapat mengadili setiap pertelingkahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat Iban. Manakala *Petara Raja Menjaya* dipercayai dapat menyembuhkan sebarang penyakit kerana dia merupakan Dewa Perubatan (James Jemut Masing, 1981).

*Raja Simpulang Gana* (Dewa Tanah) dipercayai dapat memberi rezeki kepada sumber tanah seperti tanaman padi serta tanaman lain. *Raja Anda Mara* (Dewa Kekayaan) kerana dipercayai dapat memberi kekayaan kepada orang Iban. *Raja Biku Bunsu Petara*



(Dewa Sumber) pula membekalkan segala keperluan sumber kepada masyarakat Iban dalam menjalani kehidupan seharian. Persembahan sajian *piring* biasanya dilakukan untuk memberi penghormatan kepada *Petara* semasa *Gawai Pangkong Tiang* (upacara ritual untuk mendirikan rumah panjang) dan *Gawai Sakit* (James Jemut Masing, 1981).

Lapisan Dunia di bawah langit (Dunya baruh langit) pula merupakan lapisan terdapatnya hidupan seperti manusia, haiwan dan tumbuhan (Asmah Haji Omar, 2012). Dalam lapisan ini, manusia hidup bermasyarakat dan mempunyai sistem kepercayaan. Sistem kepercayaan dan tradisi masyarakat Iban terhadap persembahan sajian *piring* memperlihatkan hubungan dengan *Petara* seperti yang terdapat dalam lapisan dunia di atas langit dan dunia di bawah langit.

Masyarakat Iban percaya kepada petanda yang digambarkan melalui mimpi atau burung khinatan. Mimpi itu adalah tempat pertemuan antara manusia dan *Petara* (Dewa-dewi) (Jensen Erik, 1996). Bunyi atau penerbangan burung khinatan dapat memberi amaran melalui petanda penerbangan daripada tujuh burung Khinatan iaitu Beragai [*Scarlet-rumped Trogan*], Bejampung [*Crested Jay*], Pangkas [*Maroon woodpecker*], Embuas [*Banded kingfisher*], Papau [*Diards Trogan*], Nendak [*White-rumped Shama*] dan Ketupong [*Rufouspiculet*] (Freeman Derek, 1961; Sandai, Anna Christina Abdullah dan Palmer, 2013).

Selain itu, haiwan turut dipercayai menyampaikan petanda kepada masyarakat Iban seperti ular, cicak, rusa, penyu labah-labah dan sebagainya. Masyarakat Iban mempunyai keyakinan yang sangat kuat tentang kewujudan *Petara* dan banyak kuasa luar biasa yang

lain. Oleh itu, aspek kehidupan masyarakat Iban dikaitkan dengan upacara ritual tertentu (Zeppel Heather Dorothy, 1994).

Bagi lapisan *Menua sebayan* (Alam Roh) pula tempat kediaman roh orang yang sudah meninggal dan roh manusia yang mungkin tersesat ke sana. Roh mereka yang masih hidup boleh ditilik dan dipulihkan oleh *manang* (dukun). *Manang* mempunyai *kuasa pengajih* (azimat dan kuasa ghaib) untuk mengembalikan roh telah sesat ke Alam Roh (Asmah Haji Omar, 2012).

Dalam konteks tradisional, persembahan sajian adalah suatu upacara yang dilakukan untuk mewujudkan perhubungan dengan dunia ghaib untuk memohon kebaikan, kesejahteraan dan kedamaian masyarakat Iban. Tatacara ritual tersebut turut berhubung dengan aspek kewujudan dan kosmos kehidupan manusia (Micheal Buma, 1987). Hal ini merujuk kepada bidang kosmologi yang membicarakan tentang alam semesta.

Kosmo dalam persembahan sajian (*piring*) amat mempengaruhi pembentukan unsur metafora dalam puisi invokasi *biau*. *Lemambang* (pengamal ritual) mempunyai kekuatan dan kebolehan untuk berkomunikasi dengan *Petara* (Dewa-dewi). Pengamal ritual mempunyai kepercayaan bahawa persembahan sajian (*piring*) yang diiringi *biau* (doa) dapat menghubungkan manusia dengan *Petara*. Lapisan bahasa dalam *biau* (doa) yang mempunyai pengenalan, isi dan penutup akan memudahkan pengamal ritual menyeru dan menyampaikan tujuan kepada *Petara* (Dewa-dewi). Pelafazan puisi oleh *Lemambang* semasa persembahan sajian menjadi medium perantaraan kepada *Petara*. Justeru, persembahan sajian yang

disediakan oleh pengamal ritual perlu memenuhi keperluan supaya penyampaian kepada *Petara* lebih berkesan dengan diiringi lafaz puisi invokasi *biau*.

### 1.3 Pernyataan Masalah

*Biau* (doa) merupakan amalan dan kepercayaan tradisional yang diamalkan oleh masyarakat Iban untuk memohon keberkatan dan kesejahteraan hidup di rumah panjang. Namun demikian, amalan tradisi ini menjadi semakin terpinggir disebabkan masyarakat Iban yang telah menganuti kepercayaan lain seperti Kristian. Keadaan ini juga telah mengubah kepercayaan tradisi kaum Iban (Asmah Haji Omar, 1981). Perkembangan bidang ilmu pengetahuan sejak penjajahan Barat hingga kini turut mengubah cara berfikir masyarakat Iban untuk mempercayai atau menolak kepercayaan tradisi (Empiang Jabu, 1989). Dalam pada itu, generasi muda tidak berminat untuk mempelajari puisi tradisional seperti *biau* kerana sukar untuk memahami struktur lapisan bahasa yang digunakan dalam puisi tradisional.

*Biau* dilafazkan oleh *Lemambang* (pengamal ritual) semasa persembahan sajian *piring*. *Biau* perlu dilafazkan dengan kebolehan menggunakan bahasa dalam dan kepakaran tentang kosmos Iban. Walau bagaimanapun, populasi golongan yang arif dalam melafazkan *biau* seperti *Lemambang* kini semakin berkurangan. Tambahan pula, generasi kini sukar untuk memahami menyampaikan dan mengetahui maksud yang terdapat dalam *biau* (Sandai, 2015).

Penggunaan lapisan bahasa juga telah menjadi satu kesukaran kepada golongan muda terutama dalam pengajaran di sekolah untuk memahami maksud yang terdapat dalam *biau* (Sandai, Che Ton Mahmud dan Sandai, 2017). Maka, kekangan untuk meneruskan puisi tradisional tersebut semakin berleluasa kerana generasi muda kini tidak mengetahui intipati yang ingin disampaikan dalam *biau*. Bahasa yang digunakan dalam *biau* mempunyai maksud tersirat dan berunsurkan metafora. Jadi, generasi kini amat sukar untuk memahami puisi tradisional seperti *biau* ini. Sekiranya kesedaran dalam mengekalkan puisi tradisional semakin dilupakan maka amalan ini akan hilang fungsinya kepada kehidupan sosial (James Jemut Masing, 1989). Namun, setakat ini tidak ada kajian yang terperinci telah dijalankan untuk mengkaji tentang struktur unsur metafora yang digunakan dalam *biau*.

Justeru, kajian ini dilakukan sebagai usaha membantu dan memberi kesedaran kepada generasi muda khususnya dalam memahami dan meneliti dengan lebih lanjut tentang analisis struktur lapisan bahasa kiasan persembahan sajian (*piring*) dalam puisi invokasi *biau*.

#### 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan mengenalpasti unsur metafora dalam puisi invokasi *biau*. Objektif khusus kajian ini digubal berdasarkan pernyataan masalah. Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut :

- i. Mengenalpasti struktur lapisan bahasa dalam puisi invokasi *biau*



- ii. Mengenalpasti jenis ayat yang membina struktur puisi invokasi *biau*.
- iii. Menganalisis unsur yang membentuk metafora dalam struktur puisi invokasi *biau*.

### 1.5 Soalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, terdapat beberapa persoalan yang ingin dikupas. Persoalan kajian bagi penyelidikan ini disandarkan pada objektif kajian yang khusus. Persoalan khusus kajian ini seperti berikut :

- i. Apakah struktur lapisan bahasa dalam puisi invokasi *biau*?
- ii. Apakah jenis ayat yang membina struktur puisi invokasi *biau*?
- iii. Bagaimanakah unsur membentuk metafora dalam struktur puisi invokasi *biau*?



### 1.6 Batasan Kajian

Kajian ini hanya terhad kepada tiga buah puisi tradisional *Biau* iaitu *Biau Piring Bedara* [Doa Persembahan Sajian Korban], *Biau Piring Gawai Tuah* [Doa Persembahan Sajian Perayaan Gawai Tuah] dan *Biau Piring* [Doa Persembahan Sajian]. Oleh itu, dapatan kajian terhad kepada *biau* yang dipilih. Walaupun pengumpulan data menggunakan sampel bertujuan, namun *biau* tersebut berasaskan persembahan sajian (*piring*).

Kajian ini juga terbatas kepada sumber sekunder iaitu menggunakan buku *Sampi enggau Biau* oleh Robert Menua Salleh dan Janang Ensiring daripada Tun Jugah Foundation. Data sekunder ini digunakan kerana upacara ritual yang melafazkan *biau* semakin





berkurangan. Tambahan pula, golongan orang tua yang pakar dalam melafazkan *biau* juga berkurangan. Selain itu, *biau* tersebut dipilih kerana mempunyai unsur metafora dan pelbagai jenis ayat yang digunakan oleh *Lemambang* (pengamal ritual) selari dengan objektif dan soalan kajian ini. Walau bagaimanapun, tiga buah *biau* yang dipilih mengandungi persembahan sajian (*piring*) yang diperlukan dalam kajian ini.

## 1.7 Kepentingan Kajian

*Biau* merupakan puisi tradisional dalam masyarakat Iban untuk memohon keberkatan daripada *Petara* (Dewa-dewi). Bagi mengekalkan budaya dan tradisi lisan, kajian ini menjadi panduan kepada generasi muda khususnya tentang pengetahuan dan pemahaman tentang struktur puisi invokasi *biau*.



Selain itu, kajian ini diharap dapat menambahbaikan penyampaian dan pembentukan *biau* pada masa akan datang tanpa bantuan daripada golongan pakar. Penggunaan pelbagai jenis ayat dalam *biau* akan membantu masyarakat Iban menyampaikan puisi invokasi *biau* dengan lebih baik.

Melalui kajian ini juga, budaya dan amalan masyarakat Iban di Sarawak dapat dikekalkan dan dihargai dengan adanya kesedaran mengetahui puisi tradisional masyarakat





Iban lebih lanjut lagi. Amalan tradisi dalam persembahan sajian (*piring*) dapat dikekalkan pada masa akan datang.

Tidak kurang pentingnya juga kepada para pendidik, kajian ini berupaya menjadi panduan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Iban di sekolah. Selain itu, guru dapat mendedahkan murid tentang penggunaan unsur metafora dalam puisi tradisional yang lain.

Di samping itu, kajian ini dapat menyumbang kepada sumber rujukan kepada penyelidik tentang puisi tradisional *biau* dan persembahan sajian (*piring*). Dengan adanya kajian ini, secara tidak langsung dapat menambahkan maklumat baru tentang tradisi lisan bagi masyarakat Iban.



Kajian ini menggunakan pelbagai konsep dan istilah untuk mengupaskan objektif kajian. Pendefinisan beberapa istilah dan konsep dalam kajian ini ialah bahasa kiasan, puisi biau, persembahan sajian piring dan Teori Linguistik Kognitif.

### 1.8.1 Struktur

Struktur ialah cara untuk mempersempahkan sesuatu perkara yang terbina atau dibentuk melalui pelbagai bahagian, aspek atau unsur supaya dapat membentuk suatu sistem atau pola (Aminuddin, 2004). Dalam kajian ini, struktur merupakan bahagian pembukaan, isi dan





penutup dengan merangkumi beberapa unsur lapisan bahasa iaitu seruan pembukaan, bertabik, pengenalan diri, tujuan, seruan, persediaan piring, suruhan dan doa restu kepada *Petara* (Dewa-dewi). Dari lapisan bahasa yang pelbagai kemudian diaplikasikan semula untuk digunakan dalam mantera sebagai panduan yang membentuk struktur *biau*.

### 1.8.2 Bahasa Kiasan

Bahasa kiasan ialah penyusunan kata untuk menterjemahkan fikiran dengan menghubungkaitkannya kepada sesuatu yang lain (Asmah Haji Omar, 2005). Penggunaan bahasa kiasan memberi lambang kepada sesuatu perkara atau maksud yang ingin disampaikan dengan menerapkan pelbagai aspek lapisan bahasa. Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan (1995) turut menyatakan bahasa kiasan merupakan perkataan yang digunakan untuk menyindir dan membuat perbandingan dengan perkara yang telah berlaku.

Dalam kajian ini pula bahasa kiasan digunakan dalam puisi invokasi *biau* (doa) untuk menggambarkan perasaan dan fikiran melalui penyusunan kata.

### 1.8.3 Ayat

Ayat terdiri daripada klausa yang disertai dengan intonasi ayat dan merupakan unit tertinggi dalam nahu bahasa (Asmah Haji Omar, 2014). Ayat yang sempurna dan lengkap merupakan terdiri daripada intonasi ayat yang dimulai dan diakhiri dengan kesenyapan (Asmah Haji Omar, 2014). Dalam kajian ini, terdapat tiga jenis ayat yang utama iaitu ayat seruan, ayat





penyata dan ayat perintah. Ayat-ayat tersebut menjadi teras dalam menyampaikan struktur lapisan bahasa *bina*.

#### 1.8.4 Metafora

Asmah Haji Omar (2005), definisi metafora tidak hanya terbatas sekadar bunga-bunga bahasa atau bahasa yang indah tetapi lebih dalam daripada pengertian itu. Justeru, metafora juga menggambarkan sistem konseptual sesuatu bahasa dan kepercayaan terhadap kebudayaan para penutur asli bahasa tersebut. Tambahnya lagi, dalam pembentukan metafora, anggota dan organ badan (manusia) merupakan salah satu domain sumber asas kepada pembentukan metafora secara sejagat. Oleh itu melalui badanlah, manusia mengalami dan berinteraksi dengan persekitaran serta budaya masyarakat.



Metafora merupakan penggunaan kata untuk menghasilkan maksud lain daripada maksud tersirat (Rahman Shaari, 2001). Manakala, Kridalaksana (1984) mentakrifkan metafora sebagai penggunaan kata atau ungkapan lain untuk sesuatu perkara atau objek serta konsep lain berlandaskan kiasan yang digunakan dalam ayat. Kamus Linguistik (1983) oleh Harim Urthi juga menyatakan bahawa terdapat persamaan dan perbandingan yang wujud dua perkara yang dikiaskan. Penggunaan kata dan frasa yang berlainan untuk mewujudkan maksud yang berbeza dengan perkataan yang digunakan oleh seseorang. Keris Mas (1988) pula membahaskan bahasa metafora ialah kiasan yang digunakan untuk menjelaskan konsep abstrak dengan menggunakan konsep konkret. Namun, idea yang digunakan dalam kiasan ialah satu konsep yang sukar untuk didefinisikan.



Dalam kajian ini, metafora merupakan unsur bahasa kiasan yang digunakan oleh *Lemambang* (pengamal ritual) merangkumi unsur flora dan fauna, benda bukan hidup dan alam semula jadi. Unsur flora dan fauna ialah benda yang bernyawa dan saling berinteraksi antara satu sama lain untuk meneruskan kelangsungan hidup seperti pokok, haiwan, tumbuhan dan manusia termasuklah unsur alam semula jadi. Manakala, unsur bukan hidup pula terdiri daripada benda atau alat yang dibuat dan dihasilkan oleh manusia seperti besi, baju dan jam.

### 1.8.5 Puisi Invokasi Biau

Puisi tradisional kaum Iban terdapat tiga kategori iaitu *Pemerindang* (Hiburan), *Adat Basa* (Adat), dan *Invokasyen* (Invokasi) (Robert Menua Salleh dan Janang Ensiring, 2001). Puisi Inovokasi ialah puisi untuk memohon doa dan meminta perlindungan daripada *Petara* (Dewa-dewi). *Biau* merupakan puisi tradisional invokasi yang berkaitan dengan upacara ritual untuk menyeru *Petara* supaya mendapat keberkatan dan kedamaian. Kebiasaannya *biau* dilafazkan oleh *Lemambang* (pengamal ritual) (Robert Menua Salleh dan Janang Ensiring, 2001). Dalam kajian ini, *biau* digunakan sebagai medium untuk berhubung dengan *Petara* semasa persembahan sajian (*piring*). Tiga buah biau yang dipilih iaitu *Biau Piring Bedara* [Doa Persembahan Sajian Korban], *Biau Piring Gawai Tuah* [Doa Persembahan Sajian Perayaan Gawai Tuah] dan *Biau Piring* [Doa Persembahan Sajian].



### 1.8.5.1 Biau Piring Bedara

*Piring Bedara* ialah upacara ritual bagi masyarakat Iban. *Bedara ialah* upacara ritual korban untuk mengutuskan permintaan kepada *Bunsu Petara* (golongan Dewa-dewi) (James Jemut Masing, 1981). Kajian ini mengkaji struktur bahasa kiasan dalam Biau Piring Bedara.

### 1.8.5.2 Biau Piring Gawai Tuah

*Piring Gawai Tuah* ialah persembahan sajian diiringi dengan *biau* untuk *Petara Anda Mara* (Dewa Kekayaan). *Petara Anda Mara* diseru untuk menjadi *Tuai Pengabang* (ketua rombongan tetamu) semasa Gawai Tuah. Gawai ini diadakan untuk meminta kekayaan, kesihatan dan kedamaian daripada *Petara* (Robert Menua Saleh dan Walter Ted Wong, 2008). Kajian ini mengkaji struktur bahasa kiasan dalam *Biau Piring Gawai Tuah*.

### 1.8.5.3 Biau Piring

Biau Piring ialah upacara miring kepada Petara (Dewa-dewi) orang Iban seperti Senggalang Burung, Raja Sempulang Gana dan Selampandai. Masyarakat Iban turut memanggil orang Panggau Libau enggau Gelong [Dewa Bunsu Petara] dan Antu Bunsu Petara [Dewa Bunsu Roh] ke dalam upacara miring. Piring akan diletakkan di setiap sudut dalam rumah panjang seperti dapur, tajau beras [pasu untuk menyimpan beras], ruai [galeri], tanju [berandah] dan umai [kebun] (James Jemut Masing, 1981). Kajian ini mengkaji struktur bahasa kiasan dalam Biau Piring.



### 1.8.6 Persembahan Sajian (*Piring*)

*Piring* ialah persembahan sajian dalam amalan kepercayaan dan tradisi masyarakat Iban (Sandin, 1964). Persembahan sajian *piring* diamalkan oleh kaum Iban untuk memohon keberkatan daripada *Petara* (Dewa-dewi) (Steven Beti Anom, 2014). Dalam kajian ini, persembahan sajian yang dilihat ialah upacara *miring* dengan irungan tiga buah *biau* (doa).

### 1.8.7 Teori Linguistik Kognitif

Kajian ini dilakukan berlandaskan teori untuk meneliti setiap aspek yang dikaji. Teori Linguistik Kognitif digunakan untuk meneliti struktur bahasa kiasan. Teori linguistik kognitif mula digunakan untuk memperlihatkan gaya bahasa dalam pelbagai bidang (Lakoff dan Johnson, 1980). Bahasa yang digunakan melalui percakapan kehidupan seharian meliputi satu domain (*target domain*) untuk disampaikan kepada hubungan domain yang lain (*source domain*). Dalam kajian ini pula, Teori Linguistik Kognitif digunakan untuk meneliti struktur bahasa kiasan dan jenis ayat dalam struktur puisi invokasi *biau*.

Lapisan bahasa dalam kajian ini diperoleh berdasarkan kerangka binaan daripada kajian Haron Daud (2001) iaitu bertabik, pendakwaan diri, tujuan, seruan, suruhan dan doa restu. Terdapat dua lapisan iaitu struktur persembahan sajian (*piring*) dan dialog dengan *Petara* (Dewa-dewi). Seruan pula dibahagikan kepada dua jenis iaitu seruan permulaan di bahagian pendahuluan dan seruan di bahagian isi. Jenis ayat yang dikenal pasti pula berdasarkan prinsip ungkapan ialah ayat seruan, pernyataan, pertanyaan dan permohonan. Struktur lapisan bahasa dan jenis ayat dalam kajian ini dianalisis berdasarkan kepada Teori



Linguistik Kognitif. Oleh itu, ungkapan tersebut mengukuhkan penggunaan lapisan bahasa di bahagian pengenalan, isi dan penutup puisi invokasi *biau*.

Unsur membentuk bahasa kiasan metafora dalam kajian ini juga dianalisis berdasarkan Teori Linguistik Kognitif (Lakoff dan Turner, 1980; Xu Yang, 2015). Manakala Rahman Shaari (1993) menyatakan metafora ialah bahasa kiasan untuk menyebut sesuatu yang lain. Berdasarkan teori tersebut, bahasa mencerminkan pola pemikiran (Asmah Haji Omar, 2005). Metafora turut menjadi sebahagian daripada gaya bahasa iaitu kiasan langsung atau perbandingan yang menyebut dua hal berbeza tanpa menggunakan kata-kata perbandingan kepada unsur alam dan bukan alam (Nor Hasimah Jalaludin, 2014; Muhamad Fadzllah, 2016).



### 1.8.8 Teori Konseptual Metafora

Dalam Kamus Linguistik, metafora didefinisikan sebagai penggunaan kata atau kelompok kata yang tidak mempunyai maksud sebenar melainkan sebagai perlambangan, persamaan atau perbandingan (Kridalaksana, 1993). Bahasa kiasan metafora digunakan untuk membandingkan dua hal yang berbeza dengan menekankan penggunaan pelbagai unsur seperti benda hidup, benda bukan hidup dan alam semula jadi (Lakoff dan Johnson, 1980). Secara etimologi, metafora berasal dari bahasa Yunani yang membawa maksud ‘memindahkan’ (Cruse, 2004: 198). Dalam kajian ini pula, Teori Konseptual Metafora digunakan untuk meneliti unsur yang membentuk metafora dalam struktur puisi invokasi *biau*.



Konseptual metafora berinteraksi antara satu sama lain dan boleh menimbulkan sistem metafora yang kompleks daripada dua domain iaitu domain sumber dan domain sasaran (Lakoff dan Johnson, 1980). Oleh itu, konsep metafora dalam kajian ini digunakan sebagai perlambangan dan perbandingan bahasa melalui unsur alam dan unsur bukan alam. Konsep metafora yang berunsurkan alam selari dengan konseptualnya iaitu menghubungkan sesuatu objek berdasarkan pengaruh alam sekeliling yang disesuaikan dengan benda hidup dan bukan hidup (Abdullah Yusof, Alias Mohd. Yatim dan Mohd. Ra'in Shaari, 2009).

### 1.9 Rumusan

Bab ini telah membincangkan serba sedikit mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian dan persoalan kajian yang diselidik. Beberapa definisi konsep juga telah diberi untuk memudahkan pembaca memahami tentang kajian ini. Penerangan yang lebih terperinci mengenai penggunaan bahasa kiasan puisi invokasi dan kajian-kajian yang telah dijalankan akan dikupas dalam bab yang seterusnya.